AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 5 PRINTED SIZE: 300.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,972.00 ITEM ID: MY0055567878



13 SEP, 2023

Kawasan tanaman padi Sabah diperluas

Berita Harian, Malaysia

Kawasan tanaman padi Sabah diperluas

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memperluas kawasan tanaman padi di Sabah dalam usaha mengatasi kekurangan bekalan makanan ruji rakyat Malaysia itu.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dijadual berbincang dengan Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan bagi tujuan itu, hari ini.

Menerusi pertemuan itu, Mohamad dijangka mengemuka cadangan penanaman padi berskala besar di Sabah, menggunakan kaedah dan teknologi yang diperkenal agensi Persekutuan, selari hasrat mengatasi isu kekurangan beras di pasaran.

"Usaha ini (membuka ladang padi berskala besar di Sabah) kalau kita buat dengan kaedah dan teknologi yang betul. Insya-Allah, kita boleh capai. Cuma, saya hairan kenapa usaha mencukupkan (bekalan) beras di negara ini dibiarkan begitu lama.

"Kini, apabila India mahu kurangkan eksport (beras) mereka, kita menghadapi masalah. Namun, kita akan cari kaedah mengatasinya.

"Pada masa terdekat, kita akan cuba pelbagai kaedah dan semua pihak perlu bekerjasama, termasuk kerajaan negeri yang memiliki kuasa mengenai tanah.

"Sekuriti makanan bukan soal politik. Sebaliknya, isu kemanusiaan dan saya bersedia menghadapi situasi ini dengan pasukan saya yang gigih bekerja mengatasi isu ini," katanya di sini, semalam.



Mohamad (dua dari kanan) menyempurnakan perasmian Pavillion KPKM @ MIHAS 2023 di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

Terdahulu, pada 2 September lalu, pengilang padi dan pemborong beras negara dilaporkan diminta untuk meningkatkan bekalan beras putih tempatan sebanyak 20 peratus menerusi program khas sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan itu di pasaran.

Kementerian memaklumkan, hasrat itu sudah dipersetujui pengilang padi dan pemborong beras dalam satu sesi libat urus pada 27 Ogos lalu, di Alor Setar, Kedah untuk memberikan kuota tambahan itu kepada kerajaan menerusi Padiberas Nasional Bhd (BERNAS).

Mohamad turut optimis menoktahkan isu itu menerusi pelbagai inisiatif dirangka bagi jangka pendek dan panjang, termasuk perluas penggunaan teknologi tanaman padi di Sekinchan, Selangor ke kawasan lain.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 5 PRINTED SIZE: 300.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 9,972.00 ITEM ID: MY0055567878



13 SEP, 2023

Kawasan tanaman padi Sabah diperluas

Berita Harian, Malaysia

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan memperluas kawasan tanaman padi di Sabah dalam usaha mengatasi kekurangan bekalan makanan ruji rakyat Malaysia itu. Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dijadual berbincang dengan Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan bagi tujuan itu, hari ini.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.